

# KENAIKAN DINANTI

## ■ Kadar baru tambah duit poket penerima BRIM

### Kuala Lumpur

**K**adar kenaikan Bantuan Rakyat Malaysia (BRIM) bagi setiap kategori pendapatan isi rumah memanfaatkan tujuh juta penerima membabitkan RM6.8 bilion diumumkan dalam Bajet 2017, semalam memang ditunggu-tunggu golongan penerimanya.

Profesor Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM) Profesor Dr Zaid Ahmad berkata, penambahan wang bantuan itu adalah berita yang memberikan keceriaan kepada golongan terbabit.

Bagaimanapun, beliau berkata, penerima BRIM perlu membelanjakan wang berkenaan dengan bijak walaupun biasanya bantuan itu lazimnya tidak

digunakan untuk modal perniagaan.

“Kenaikan menggembirakan mereka yang menerima, ini pasti. Walaupun bersifat sementara, tetapi dalam konteks ini dapat mengurangkan beban terutamanya individu dalam keadaan yang amat memerlukan.

“Individu bujang yang juga termasuk dalam kategori penerima ini tentu-lah tersenyum lebar kerana sekurang-kurangnya ia penambahan wang poket,” katanya ketika mengulas Bajet 2017 bertemakan Menjamin Perpaduan dan Pertumbuhan Ekonomi, Menghemah Perbelanjaan Inklusif, Mensejahtera Kehidupan Rakyat Seluruh, semalam.

Dalam pembentangan bajet itu, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak berkata, peruntukan BRIM adalah RM6.8 bilion.

Semua kategori penerima BRIM mendapat kenaikan iaitu isi rumah dalam senarai e-Kasih dan berpendapatan bulanan di bawah RM3,000 dinaikkan daripada RM1,050 dan RM1,000 kepada RM1,200 manakala isi rumah (RM3,000-RM4,000) dinaikkan daripada RM800 kepada RM900.

Bagi individu bujang berpendapatan di bawah RM2,000, BRIM dinaikkan daripada RM400 kepada RM450.

Sementara itu, Zaid turut mengulas mengenai Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang kekal sebanyak enam peratus berbanding desas-desus kononnya cukai itu akan dinaikkan.

“Tindakan tidak menaikkan cukai itu sekurang-kurangnya tidak memberikan kesan lebih teruk kepada kos sara hidup rakyat,” katanya.